




Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ISSN 1985 - 4706



9771985470003

KANDUNGAN

MAJLIS PERUTUSAN
NAIB CANSELOR UTeM 2009

DATO' PROF. DR. MOHD. NOR BIN HUSAIN
DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)

UTeM TANDATANGANI MEMORANDUM
PERJANJIAN (MoA) DENGAN
UNIVERSITI INDONESIA

SYARAHAN UMUM SEMPENA
PELANTIKAN PROFESOR
DAYA SAING PEMBUATAN - DARI STRATEGI
KE PROSES

UTeM LANCAR
SISTEM PENGURUSAN e-LEARNING

MAJLIS ANUGERAH BAKTI &
KEGEMILANGAN PELAJAR UTeM 2009

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTeM SERAH
MEMORANDUM KEKEJAMAN ISRAEL

MAJLIS CERAMAH PALESTIN 1430H

PENYELIDIK UTeM MENANG TUJUH PINGAT
DI MTE 2009

LAWATAN UNIVERSITI PETRA KRISTEN
KE UTeM

PERTUKARAN BUDAYA ANTARA UTeM DAN
SEKOLAH TINGGI SENI INDONESIA

REKREASI BERSAMA NAIB CANSELOR

EDITOR BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :
ZAINUDIN AHMAD

PENOLONG KETUA EDITOR :
FARADILA BINTI MD. YUSOF

WARTAWAN :
RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN
BOB FAIZELI BIN MOHAMED DIN
MAHATHIR BIN MAZIZAN

GRAFIK & REKA LETAK :
AZIZA MD BHANO
SURIA

JURUF
MD. NOOR
NURULI
MOHD

LG

173

.M44

.B47

2009

a

Jan-Feb

.EH

MAJLIS PERUTUSAN NAIB CANSELOR UTeM 2009

5 Februari 2009 - Semua warga UTeM diseru untuk memastikan kepentingan untuk meningkatkan diri dari masa ke masa agar tidak ketinggalan dalam membawa UTeM ke satu tahap yang lebih baik. Demikian pesanan yang disampaikan oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dalam Majlis Perutusan Naib Canselor 2009 yang diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC). Majlis yang bermula jam 9.00 pagi itu dihadiri oleh semua staf UTeM.

Prof. Dr. Ahmad Yusoff meminta semua warga UTeM agar sama-sama memastikan visi dan misi universiti dapat dicapai dan menekankan kepada semangat kerja berpasukan. Semangat ini adalah perlu kerana setiap orang mesti mempunyai peranan masing-masing di universiti ini dan perlu merasakan tanggungjawab untuk berubah ke satu tahap yang lebih baik.

Melihat kepada senario semasa seperti implikasi pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) serta Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), peranan universiti kini semakin membesar bagi melahirkan modal insan yang berkualiti. Maka dengan itu Pelan Strategik UTeM 2009-2010 (PSU) telah diformulasi bagi menjadikan satu hala tuju yang lebih jelas terhadap kemajuan universiti.

PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

38312
05 JUN 2009

bersambung di muka surat 03



87516165

DATO' PROF. DR. MOHD. NOR BIN HUSAIN DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2011 bagi menggantikan Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Disember yang lalu.

Dato' Mohd. Nor, 55 tahun berasal dari Terachi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan telah memulakan pengajian peringkat diploma di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1976 di dalam bidang Elektrik Perhubungan. Seterusnya beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda di University Strathclyde, Glasgow, Scotland, peringkat Sarjana di University of Essex, England dan peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Opto Elektronik di University of Bath, England.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai penolong pensyarah di UTM pada tahun 1979 dan pada tahun 1982 dilantik sebagai Pensyarah UTM. Manakala pada tahun 1999 beliau telah dilantik sebagai Profesor.

Pada tahun 1993 beliau telah dipinjamkan ke Pusat Latihan Staf Politeknik Batu Pahat (yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Tun Hussein Onn). Semasa di sana beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Pembangunan & Hal Ehwal Pelajar) pada tahun 1999. Beliau juga pernah dilantik sebagai Timbalan Rektor (Akademik) sehingga tahun 2003 semasa di sana.

Sepanjang perkhidmatan di UTeM, beliau pernah dilantik sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar dari tahun 2004 hingga 2007 dan sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dari 2007 hingga Disember 2008. Beliau telah banyak menghasilkan beberapa penulisan dan penerbitan serta projek perundingan dan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan Elektronik yang telah diterbitkan di dalam dan luar negara. Dato' Mohd. Nor juga merupakan ahli berdaftar Jurutera Malaysia (BEM), ahli "Institute of Electrical Engineer, United Kingdom" (AMIEE) dan Ahli "Institute of Electrical and Electronic Engineer, USA" (MIEEE)

Beliau telah dianugerahkan Dato' Paduka Tuanku Jaafar (DPTJ) yang membawa gelaran Dato' daripada Almarhum Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tunku Abdul Rahman pada tahun 2002. Semoga dengan pelantikan ini, akan terus memantapkan hala tuju pembangunan akademik dari pengantarabangsaan di UTeM agar menjadi sebuah universiti tersohor di dunia kelak.



UTeM TANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DENGAN UNIVERSITI INDONESIA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Dian Nuswantoro, Semarang, Indonesia (UDINUS) bagi menjalin kerjasama yang melibatkan program pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer serta penyelidikan di dalam Teknologi Maklumat. Majlis diadakan di Kampus Induk, Durian Tunggal pada 26 Februari 2009 yang disaksikan oleh Y.Bhg. Datuk Dr. Mohd. Taib bin Hashim, Pengurus Lembaga Pengarah UTeM. UTeM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain manakala UDINUS diwakili oleh Dr. Ir. Edi Noersasongko, M.Kom, Rektor UDINUS serta Puan Tri Rustanti Ketua Yayasan UDINUS.

Menurut Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, MoA yang ditandatangani ini ialah pelaksanaan program-program akademik di peringkat antarabangsa sebagai usaha UTeM untuk mempelopori kurikulum pembelajaran berteraskan aplikasi dan amalan di peringkat global. Dengan wujudnya jaringan kerjasama dengan Universiti Dian Nuswantoro, akan turut berlaku pertukaran kepakaran, kaedah pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan, di samping mewujudkan program berkembar yang memberikan manfaat kepada pelajar dari kedua-dua buah universiti.

Berlandaskan kesungguhan UTeM membuka laluan bagi mewujudkan jaringan pengantarabangsaan, maka UTeM telah di undang oleh Universiti Dian Nuswantoro (UDINUS) untuk melaksanakan satu Memorandum Persefahaman (MoU) pada 11 November 2008 lalu, yang bertempat di UDINUS, Semarang, Indonesia.

Dalam MoA ini UTeM berperanan untuk menyediakan latihan jangka pendek dan jangka panjang serta penyeliaan pelajar yang terpilih dalam usaha untuk melahirkan pakar IT yang terlatih, memberi sumbangan di dalam menganalisis, merekabentuk dan menjadi penasihat teknikal di dalam pembangunan dan pelaksanaan kurikulum program Ijazah Sarjana, menyediakan sokongan logistik dan infrastruktur program, menyerahkan laporan kemajuan kepada kumpulan perundingan dan akhirnya menilai program kerjasama Ijazah Sarjana dan penyelidikan di UDINUS agar memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kumpulan Perundingan UDINUS. Manakala UDINUS pula akan menyediakan sokongan kewangan dan bantuan bagi pelajar yang terpilih, memastikan perbelanjaan mencukupi bagi menanggung pelaksanaan pelan program dan memperuntukkan penempatan lima (5) orang pelajar setiap tahun. Tempoh persefahaman adalah untuk jangka masa LIMA (5) tahun.

Adalah diharapkan dengan MoA ini akan membuka peluang pengantarabangsaan kepada pelajar dan mewujudkan senario positif terhadap perkembangan pendidikan di UTeM, meningkatkan daya saing, kreativiti dan inovasi kakitangan akademik dan pelajar dengan melibatkan diri di arena antarabangsa dalam bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta mewujudkan satu lagi kaedah mempromosikan UTeM sebagai sebuah institusi yang berdaya saing dan bersedia menerima apa jua tawaran dan cabaran di peringkat serantau dan global.



sambungan dari muka surat 01



PSU ini digubal dengan mengambil kira kapasiti universiti serta Pelan Strategik UTeM yang telah dirangka sebelum ini. Terdapat lapan teras dalam PSU yang mengambil kira daripada pelbagai aspek di universiti. Tempoh pelaksanaan PSU ini juga dipendekkan kepada dua tahun bagi menampakkan keberhasilan yang lebih efektif.

Prof. Dr. Ahmad Yusoff berharap agar semua staf menetapkan keikhlasan dan kepuasan sebagai nilai utama dalam melaksanakan tugas masing-masing. Setiap individu mempunyai potensi diri masing-masing oleh itu ia harus dikenal pasti dan digunakan secara maksimum. Sebagai kesimpulan kepada perutusan ini beliau mahu agar semua staf lebih berani dan melakukan inovasi bagi melaksanakan perubahan. Pada masa yang sama juga keadaan luar jangka atau ad hoc juga perlu dikurangkan untuk memastikan keberkesanan sesuatu perkara yang dilakukan.

Perutusan yang disampaikan oleh Naib Canselor UTeM ini adalah sebagai hasrat beliau kepada semua warga UTeM dalam memulakan segala aktiviti pada tahun ini. Ia menekankan konsep perubahan dan setiap individu itu mempunyai peranan tersendiri dalam organisasi masing-masing. Ia juga adalah sebagai permulaan kepada arus perubahan yang ingin dilakukan sejajar dengan perubahan pengurusan yang kini diterajui oleh Prof. Dr. Ahmad Yusoff. Semoga semua staf dapat mengambil manfaat daripada perutusan ini bagi memastikan UTeM menjadi sebuah universiti tersohor di dunia sejajar dengan visi dan misi universiti.



SYARAHAN UMUM SEMPENA PELANTIKAN PROFESOR DAYA SAING PEMBUATAN – DARI STRATEGI KE PROSES

11 Februari 2009 – Bertempat di Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Induk UTeM, telah berlangsungnya Syarahan Umum sempena perlantikan Professor Dr. Mohd Razali Muhamad. Syarahan yang bertajuk ‘Daya Saing Pembuatan – Dari Strategi Ke Proses’ ini turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM, Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Pegawai-pegawai Kanan UTeM, tetamu undangan daripada universiti-universiti tempatan serta wakil-wakil daripada jabatan dan fakulti UTeM.

Prof. Dr. Mohd Razali dilahirkan pada 3 Januari 1960 di Tanah Liat, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau yang merupakan anak kedua daripada empat adik beradik telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tanah Liat. Beliau melanjutkan pelajaran sekolah menengah di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh, Perak.

Beliau seterusnya menyambung pengajian sehingga ke peringkat Sarjana di Loughborough University of Technology dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah oleh The University of Liverpool pada tahun 1996.

Prof. Dr. Mohd Razali menyertai UTeM pada tahun 2003 dengan memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan seterusnya sebagai Dekan dari 1 November 2004 sehingga 31 Januari 2009. Beliau kini meneruskan tugas di UTeM sebagai Dekan di Pusat Pengajian Siswazah (PPS).


Syarahan Umum beliau yang berkaitan dengan Kejuruteraan Pembuatan bertajuk “Daya Saing Pembuatan – Dari Strategi Ke Proses”. Beliau menjelaskan bahawa Kejuruteraan Bahan adalah salah satu cabang kejuruteraan yang terlibat dengan pelbagai keputusan dan aktiviti dalam rekabentuk dan pengeluaran produk secara ekonomik.

Seterusnya Prof. Dr. Mohd Razali menghuraikan dengan terperinci mengenai keperluan kepada penambahbaikan kualiti produk serta produktiviti sangatlah penting kerana bukan sahaja kerana persaingan semakin sengit, tetapi suasana persaingan juga sentiasa berubah.

Syarahan Umum pada pagi itu turut menyentuh tentang strategi yang perlu diadaptasi oleh sesebuah organisasi untuk menghadapi perubahan. Dalam konteks perubahan-perubahan ini, firma pembuatan mestilah membuat persediaan yang baik, dari segi teknikal dan juga organisasi. Strategi yang betul haruslah digunakan dimana penekanan kepada pembangunan produk baru yang inovatif. Pembangunan kemahiran manusia dan latihan, gabungan strategik, bidang fungsi yang diintegrasikan serta jaringan isu-isu pengurusan yang utama perlu diberi perhatian.

Dari segi teknikal, firma pembuatan seharusnya menerokai kemungkinan menggunakan konsep dan teknik pengeluaran yang baru. Kefahaman yang sahih serta penggunaan strategi pembuatan yang betul akan menyediakan persekitaran untuk pelaksanaan konsep-konsep baru dengan jayanya. Industri pembuatan haruslah sedar dengan kehadiran kaedah-kaedah, alat-alat dan teknik-teknik baru yang dapat membantu pelaksanaan strategi, lantas mencapai kedudukan berdaya saing.

Kesimpulannya Syarahan Umum yang disampaikan oleh Prof. Dr. Mohd Razali telah berjaya membuka lembaran baru dalam penyusunan strategi ke arah mewujudkan persaingan yang lebih kompetitif dalam bidang pembuatan. Kepakaran serta pengalaman beliau yang luas telah dikongsi bersama sepanjang syarahan tersebut yang ternyata memberikan manfaat kepada para hadirin.



UTeM LANCAR SISTEM PENGURUSAN e-LEARNING

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melancarkan Sistem Pengurusan E-Learning (SPeL) pada 15 Januari yang lalu di Kampus Induk Durian Tunggal. Majlis disempurnakan oleh Pro Canselor UTeM, Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat.

Menurut Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran UTeM, Prof. Madya Dr. Hanipah bt. Hussin, Sistem Pengurusan e-Learning (SPeL) ini adalah satu projek dengan matlamat untuk mencipta persekitaran pembelajaran elektronik yang berpusatkan pelajar dan untuk memperbaiki keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara objektif SPeL ini ialah ia dilaksanakan menerusi mod “blended learning” di mana kaedah pengajaran konvensional digabungkan dengan penggunaan persekitaran pengajaran maya, kandungan untuk kursus atas talian sentiasa dipertingkatkan dan diperkayakan dari masa ke semasa. Semua pensyarah/pengajar perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengurusan pengajaran atas talian dan semua pelajar perlu diberikan latihan yang mencukupi untuk memastikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan SPeL.

Antara kemudahan yang disediakan di dalam SPeL Pengurusan Portfolio Kursus iaitu membolehkan pensyarah/pengajar memuatkan maklumat tentang kursus, Pentadbiran Kursus Atas Talian di mana akan mengurus pensyarah atau pengajar dan pelajar, mengurus aliran pengajaran dengan membuat rujukan atau urutan pelajaran, mengumpulkan pelajar kepada kelas dan menjelaki kemajuan dan pencapaian pelajar. Bagi aplikasi Forum Atas Talian pula, ia akan memberarkan pengguna untuk membincangkan isu-isu yang diselaraskan oleh pemudahcara forum untuk menggalakkan pembelajaran kolaboratif dan mempromosikan komunikasi berkesan di kalangan pensyarah atau pengajar dan pelajar.

Pentaksiran Atas Talian akan membuat kuiz atau ujian dan menjelak pencapaian pelajar, Tugasan Atas Talian pula akan memberarkan pensyarah atau pengajar untuk menghantar tugas untuk dimuat-turun dan dikembalikan oleh pelajar, Penjadual Atas Talian pula memberarkan pensyarah atau pengajar untuk menghantar tugas atau peringatan kepada kelas. Ia juga boleh digunakan sebagai sebuah perancang manakala Nota Atas Talian akan memberarkan pensyarah/pengajar untuk menghantar nota tambahan atau rujukan kepada pelajar untuk dimuat turun atau dibaca.

SPeL juga membolehkan dan mempromosikan perkongsian pengetahuan di kalangan komuniti di UTeM dengan mempunyai satu koleksi kandungan yang boleh dikongsi dan diguna semula oleh semua fakulti.

Dengan dipacukan oleh sokongan dan sumbangan berterusan daripada Pakar Subjek atau “Subject Matter Expert”, koleksi pengajaran dan pembelajaran ini dijangkakan akan terus berkembang dalam jangkamasa tiga tahun akan datang sepanjang perlaksanaan keseluruhan projek e-learning ini.



Pro Canselor UTeM, Tan Sri Dr. Johari dan Prof. Dr. Ahmad Yusoff melihat proses Sistem Pengurusan e-Learning yang dilaksanakan.



MAJLIS ANUGERAH BAKTI & KEGEMILANGAN PELAJAR UTeM 2008

Melaka, 11 Februari 2009 : Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM telah menganjurkan Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar UTeM 2008 yang diadakan di Dewan Sri Negeri, Melaka. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan.

Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar UTeM diadakan bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada mahasiswa/i yang berjaya dan cemerlang dalam bidang kurikulum mahupun akademik. Selain itu juga, ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di samping dapat memberikan motivasi kepada para mahasiswa/i untuk terus bersaing dan berlumba secara sihat demi meraih kejayaan dan kecemerlangan.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 14 kategori anugerah telah disampaikan dan seramai 130 orang telah menerima anugerah pada malam tersebut. Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Anugerah Olahragawan & Olahragawati, Anugerah Pasukan Terbaik & Pasukan Harapan, Anugerah Kebudayaan (Individu & Berkumpulan), Anugerah Kepimpinan, Anugerah Kemasyarakatan, Anugerah Pasukan Terbaik (Umum), Anugerah Pelajar Gemilang, Anugerah Kelab/Persatuan/Sekretariat Terbaik, Anugerah Keusahawanan (Individu & Berkumpulan) dan Anugerah Kolej Kediaman Terbaik.

Diucapkan sekalung tahniah kepada semua calon-calon dan pemenang-pemenang anugerah yang telah dianugerahkan mengikut kategori pencalonan yang ditentukan.



Wakil pelajar menyerahkan memorandum bantahan kekejaman Israel kepada Datuk Sri Mohd. Ali disaksikan oleh Datuk Idris.

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTeM SERAH MEMORANDUM KEKEJAMAN ISRAEL

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyerahkan memorandum bantahan di atas kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin semasa Perhimpunan Mengutuk Kekejaman Israel ke atas Bumi Palestin anjuran Kerajaan Negeri Melaka di MITC.

Memorandum tersebut telah diserahkan kepada Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yang juga selaku Presiden Belia Sedunia (WAY) oleh Yang DiPertua MPP Mohd. Saiful Nizam b. Hussin untuk diserahkan kepada kedutaan Amerika Syarikat.

Antara kandungan memorandum tersebut ialah mendesak pihak Israel dan sekutu kuatnya Amerika Syarikat supaya menghentikan serangan serta merta ke atas Gaza dan seluruh Negara Palestin, mengundurkan tentera-tentera Israel dari Bandar Gaza, mengembalikan semula hak pemilikan Negara Palestin kepada rakyatnya, menghentikan terus pencerobohan dan pencabulan hak asasi manusia terhadap Palestin, khususnya Gaza, berpegang teguh dan mengotakjanji Israel mengenai Resolusi Gencatan Senjata yang telah dipersetujui antara dua pihak terbabit dan menghormati Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan dunia yang lain yang mewakili suara dunia.

Selain daripada memorandum tersebut, MPP UTeM juga sedang giat mengumpul tandatangan tanda protes terhadap Israel. Setakat ini Lebih 3000 tandatangan telah terkumpul dari kakitangan dan pelajar UTeM



MAJLIS CERAMAH PALESTIN 1430H

17 Januari 2009 : Majlis Perwakilan Pelajar bersama bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM dengan kerjasama Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia dan Masjid Al-'Alami MITC telah mengadakan majlis ceramah mengenai isu Palestin bertempat di Masjid Al-'Alami MITC Ayer Keroh, Melaka.

Pada hari tersebut, Penceramah jemputan yang diundang khas ialah Yg. Bhg. Prof. Madya Dr. Hafidzi bin Mohd Noor, Pengarah Palestine Center of Excellence Malaysia (PACE). Pelbagai isu-isu semasa telah disentuh dalam ceramah beliau antaranya sejarah keagungan negara Palestin, kezaliman Israel terhadap masyarakat di Palestin, tindakan umat Islam terhadap isu di Palestin dan sebagainya.

Penyampaian ceramah kali ini lebih menarik dengan adanya tayangan slide yang disediakan bagi memaparkan realiti yang berlaku di Palestin. Dianggarkan, seramai 450 orang yang terdiri daripada warga UTeM dan masyarakat luar menghadiri dan menjayakan majlis tersebut.



PENYELIDIK UTeM MENANG TUJUH PINGAT DI MTE 2009


Seramai 12 orang penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai Malaysia Technology Expo (MTE) 2009 buat kali keempat sejak penyertaan pertama pada tahun 2006. Pada tahun ini, sebanyak 12 hasil penyelidikan telah dihantar menyertai pameran yang telah diadakan pada 19 hingga 21 Februari 2009 yang lalu bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. Delegasi pertandingan ini telah diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM, Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah.

UTeM telah berjaya memenangi sebanyak 7 pingat yang terdiri daripada satu emas, satu perak dan 5 gangsa. Antara produk-produk tersebut adalah seperti berikut :-

NAMA	FAKULTI	TAJUK PROJEK	PINGAT
Ir. Abdul Talib bin Din	FKM	Environmental Friendly Lake or River Cruise	Emas
Imran Mohd Ibrahim	FKEKK	Low Cost Microwave Absorber	Perak
Dr. Hamzah bin Sakidin	FKE	Simpler UNBab Mapping Function for Global Positioning System (GPS) Tropospheric	Gangsa
Ranjit Singh s/o Sarban Singh	FKEKK	Low cost Infrared Sensor Controlled Energy Saving	Gangsa
Adnan Rachmat	FKP	Automatic Wudhu Machine Based on Vision	Gangsa
Zulkifli Tahir	FTMK	Web Based Maintenance Decision Support System for Small and Medium Industries	Gangsa
Dr. Khisbullah Hudha	FKM	Pneumatically Actuated Active Roll Control (ARC) Suspension System to Improve Ride and handling Qualities of Automotive Vehicles	Gangsa

Pertandingan ini dibahagikan kepada 20 kategori dan disertai oleh 450 penyertaan daripada pelbagai agensi telah dipertandingkan didalam kategori tersebut.

MTE ini telah dianjurkan oleh Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dengan kerjasama Ministry Of Science, Technology & Innovation (MOSTI), Ministry Of Higher Education (MOHE) dan Ministry Of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA). MTE adalah pameran yang diadakan pada setiap tahun bermula pada tahun 2006 dengan penyertaan oleh penyelidik dari semua IPTA dan sektor-sektor swasta di Malaysia. Penyertaan penyelidik-penyelidik UTeM dalam pameran ini adalah untuk mengenangkan produk-produk penyelidikan yang mempunyai potensi dan bernilai untuk dikomersilkan.



LAWATAN UNIVERSITI PETRA KRISTEN KE UTeM


19-30 Januari 2009 : Pihak Universiti telah menerima lawatan daripada wakil Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Universitas Kristen Petra, Surabaya. Pelbagai program telah dirancang sepanjang kehadiran mereka di sini bagi menjayakan program ini.

Lawatan ini dimulakan dengan perjumpaan bersama staf Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa (BPAA) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Manakala, Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) dari Universitas Kristen Petra, Surabaya diwakili oleh seramai 7 orang. Sejurus selepas perjumpaan tersebut rombongan ini telah dibawa untuk melawat sekitar kampus induk, kampus industri dan kampus bandar.

Wakil dari badan BEM turut menghadiri sesi kuliah bersama pelajar tahun 2 Fakulti Teknologi Maklumat Dan Telekomunikasi (FTMK) dalam matapelajaran "Critical And Creative Thinking" di Kampus Industri dan kuliah "Ethnic Relation" bersama pelajar tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) di kampus Induk serta kuliah Technical Communication II bersama dengan pelajar tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) di Kampus Induk. Wakil dari BEM diberi peluang untuk beramah mesra bersama pelajar UTeM sekalus dapat merasai cara pembelajaran yang diaplikasikan di UTeM. Selain itu, mereka turut didekah dengan budaya dan kesenian persembahan tarian dan orkestra UTeM.

Pihak Universiti turut mengadakan sesi dialog antara UTeM dan Universitas Kristen Petra. Sesi ini dimulakan dengan perkenalan di antara dua pihak dan penerangan tentang organisasi masing-masing dilukut dengan soal jawab tentang fungsi, aktiviti dan peranan MPP di dalam dan luar universiti. Selain itu juga, mereka terlibat dengan aktiviti sukan iaitu aktiviti berkayak dan perlawanan persahabatan badminton. Aktiviti gotong royong turut dijalankan bersama penduduk Kampung Sri Tanjung, Masjid Tanah. Seramai 27 peserta telah mengikuti aktiviti ini terdiri dari wakil MPP, BEM dan juga pelajar Indonesia di UTeM.

Delegasi juga berkesempatan melawat ke beberapa tempat yang menarik di sekitar Melaka antaranya ke Eyes On Malaysia, Menara Taming Sari, menaiki bot menyusuri Sungai Melaka serta membeli-belah di Mahkota Parade dan Dataran Pahlawan. Satu Majlis Makan Malam turut diadakan bagi meraikan kehadiran wakil BEM Universitas Kristen Petra di Umbai. Diharap, aktiviti seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara mahasiswa/i serta mewujudkan budaya hormat menghormati antara satu sama lain.



PROGRAM REKREASI BERSAMA NAIB CANSELOR

28 Februari 2009 – Warga Pejabat Canselor dan Penerbit Universiti menjadi pembuka tirai bagi penganjuran Program Berekreasi Bersama Naib Canselor yang diadakan di sekitar Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal. Majlis bermula seawal jam 8.00 pagi dimulai dengan aktiviti regangan dan diteruskan dengan aktiviti jalan pantas di sekitar kampus.

Selain aktiviti tersebut, program ini juga turut diisi dengan sesi pengiraan Kadar Indeks Jisim Tubuh (BMI) dan maklumat kesihatan serta acara kuiz berkaitan kecergasan tubuh badan. Program ini ternyata memberikan manfaat besar kepada peserta kerana ia dapat merehatkan minda disamping mengetahui tahap kesihatan masing-masing. Ia juga sebagai salah satu medium bagi merapatkan silaturahim sesama staf terutama sekali dapat mengenali dengan lebih dekat Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dalam keadaan yang lebih santai.

Program tersebut berakhir pada jam 11.00 pagi dengan acara penyampaian hadiah kepada pemenang bagi Pertandingan Kuiz. Semoga program ini diteruskan pada masa akan datang dengan melibatkan semua warga UTeM agar dapat beriadah bersama-sama dengan Naib Canselor.

PERTUKARAN BUDAYA ANTARA UTeM DAN KE SEKOLAH TINGGI SENI INDONESIA

Kelab Kebudayaan dan Kesenian Warisan telah menghantar seramai 16 orang pelajar termasuk dua orang pegawai pengiring bagi menjayakan Program Pertukaran Budaya UTeM ke Sekolah Tinggi Seni Indonesia (STSI). Program ini dianjurkan oleh Unit Kebudayaan & Warisan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM dengan kerjasama Sekolah Tinggi Seni Indonesia pada 27-30 Januari 2009.

Antara objektif utama program ini adalah bagi mewujudkan hubungan dua hala antara UTeM dan STSI dengan penekanan tentang ilmu seni persembahan dan seni budaya selain memperkenalkan Kelab Kebudayaan UTeM khususnya ke peringkat antarabangsa di dalam usaha mencapai visi menjadikan UTeM sebuah universiti bertaraf dunia. Selain itu juga, ia juga dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan berkenaan kehidupan dan adat masyarakat Minangkabau.

